

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1986/87

RPW 532 - Kaedah Analisa Perancangan II

Tarikh: 15 April 1987

Masa: 9.00 pagi - 12.00 t/hari
(3 Jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi ENAM muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan.

1. (a) Analisis Syif-Syer adalah satu kaedah untuk menganalisis perubahan ekonomi sesuatu kawasan berasaskan kepada sebuah ekonomi bandingan atau "benchmark". Bincangkan ketiga-tiga komponen di dalam persamaan Syif-Syer berikut:-

$$E_i^{80} = E_i^{70} \left(\left[\frac{EN_i^{80}}{EN_i^{70}} \right] - 1 \right) + E_i^{70} \left(\left[\frac{EN_i^{80}}{EN_i^{70}} \right] - \left[\frac{EN^{80}}{EN^{70}} \right] \right) + E_i^{70} \left(\left[\frac{E_i^{80}}{E_i^{70}} \right] - \left[\frac{E_i^{80}}{E_i^{70}} \right] \right)$$

Handwritten notes: "Syif", "Ind. unit", "Syif", "Ind. unit" with arrows pointing to the terms in the equation.

Apakah dimaksudkan dengan kedudukan kompetitif dan bagaimanakah ia diwakili di dalam persamaan di atas?

(10 markah)

- (b) Bincangkan TIGA kritikan terhadap kaedah analisis Syif-Syer berdasarkan kepada persamaan di atas.

(5 markah)

(c) Pekerjaan untuk tiga sektor (Negara dan Wilayah)

	Negara		Wilayah	
	1970	1980	1970	1980
A. Pertanian, Perhutanan & Perikanan	^{EN⁷⁰} 1,700,000	^{EN⁸⁰} 2,100,000	^{E⁷⁰} 52,000	^{E⁸⁰} 43,000
B. Perkilangan	400,000	800,000	32,000	88,000
C. Perdagangan, Borong, dll.	370,000	650,000	34,000	59,000
Jumlah untuk Negara/Wilayah	3,400,000 _{EN⁷⁰}	5,100,000 _{EN⁸⁰}	196,900 _{E⁷⁰}	308,800 _{E⁸⁰}

(i) Berdasarkan kepada jadual di atas, gunakan kaedah analisis syif-syer untuk mengkaji prestasi 3 sektor ekonomi wilayah dibandingkan dengan ekonomi negara.

Tunjukkan cara perkiraan dan hasil perkiraan di dalam satu jadual yang sesuai.

(ii) Sekiranya jadual di atas digantikan dengan perangkaan nilai matawang misalnya Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), adakah kemungkinan hasil analisis itu mendapatkan kesimpulan yang sama? Bincangkan.

(10 markah)

2. (a) Terangkan maksud "keupayaan" di dalam kegunaan kajian riadah dan rekreasi. Apakah cara-cara untuk mengukur keupayaan itu? Huraikan secara ringkas Satu model yang boleh digunakan untuk meramalkan keperluan untuk sesuatu tempat rekreasi berdasarkan keupayaan alam sekitar.

(10 markah)

- (b) Dengan menggunakan lakaran bincangkan koefisien penempuan dan koefisien pengkhususan. Di dalam keadaan apakah nilai-nilai akan menjadi "0" atau "1"? Bincangkan sama ada nilai "1" mungkin dicapai?

(8 markah)

- (c) Bincangkan kegunaan dan ciri-ciri keluk penempuan. Gunakan lakaran dan andaikan tiga industri (X,Y,Z) untuk satu wilayah.

(7 markah)

3. (a) Bincangkan asas empirikal dan teori Analisis Input-Output berpandukan kepada matrix di bawah.

Matrix Input-Output untuk Sebuah Wilayah (\$juta)

Sektor Mengeluar	Sektor-Sektor Mengguna				JUMLAH OUTPUT
	Antara-Industri		Jumlah Jualan Per-tengahan	Jualan kepada Pengguna Akhir	
	A	B			
A	40	30	70	15	85
B	20	10	30	50	80
Jumlah Belian Pertengahan	60	40	100		
Input Utama	25	40		65	
JUMLAH BELIAN (Output)	85	80			165

(10 markah)

- (b) Andaikan kemelesetan ekonomi telah menyebabkan permintaan akhir untuk barangan keluaran Sektor "B" menjadi \$40 juta. Dengan menggunakan Tiga (3) langkah iterasi sahaja tunjukkan kesannya terhadap sektor-sektor lain.

(10 markah)

- (c) Bincangkan cara menggunakan soalselidik untuk mengumpulkan data untuk membentuk matrik input-output.

(5 markah)

4. (a) DELPHI adalah satu pendekatan membuat ramalan yang diwujudkan untuk mengatasi kelemahan-kelemahan cara membuat keputusan dengan "jawatankuasa". Bincangkan ciri-ciri yang membezakan DELPHI daripada pendekatan "jawatankuasa".

(8 markah)

- (b) CLUG (Permainan Kegunaan Tanah Komuniti) telah dibentuk dengan matlamat membolehkan pemain-pemain menyedari faktor-faktor asas yang boleh mempengaruhi keputusan mengenai kegunaan tanah. Bincangkan asas dan corak untuk mengendalikan permainan CLUG.

(8 markah)

- (c) MAXIMIN, MAXIMAX dan MINIMAX adalah pendekatan-pendekatan untuk membuat keputusan.

Gunakan ketiga-ketiga pendekatan untuk membantu Pemain A membuat keputusan sekiranya dia menghadapi keadaan pulangan seperti ditunjukkan di dalam matrix di bawah.

Pulangan Kepada Tindakan-Tindakan Alternatif

		Kejadian Sebenar		
		1	2	3
Tindakan alternatif yang diambil oleh Pemain A	1	16	27	50
	2	18	28	73
	3	106	29	24

Sekiranya anda sanggup mengambil risiko strategi apakah yang akan dipilih daripada tiga pendekatan di atas?

(9 markah)

5. (a) Model Lowry-Garin adalah satu daripada aplikasi model graviti. Bincangkan komponen-komponen dan perhubungan antara komponen-komponen berkenaan di dalam konteks taburan dan perjalanan. Tunjukkan model-model berkenaan secara persamaan matematik.

(15 markah)

- (b) Bincangkan pendekatan "keperluan-keperluan yang telah dirancang" sebagai kaedah untuk ramalan kegunaan tanah.

(10 markah)

-ooo00ooo-